Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia dan lain-lain lwn Straits Bunker & Trading Sdn Bhd dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — KES JENAYAH NO JA-44–104–11 TAHUN 2018
MAT GHANI PK
11 FEBRUARI 2019

Prosedur Jenayah — Habeas corpus — Permohonan — Kapal dan anak kapal pemohon ditahan oleh responden pertama — Pemohon memohon kepada responden pertama untuk akses kepada anak kapal dan melepaskan anak kapal daripada tahanan — Responden pertama membenarkan untuk mengambil anak kapal keluar tetapi tertakluk kepada syarat yang dikenakan — Sama ada pemohon gagal menunjukkan terdapat perintah tahanan yang dikenakan ke atas anak kapal yang didakwa telah ditahan — Sama ada permohonan melalui permohonan jenayah adalah betul — Sama ada terdapat penahanan salah — Perlembagaan Persekutuan perkara 5

Satu permohonan telah dipohon untuk perintah-perintah berikut: (a) satu writ habeas corpus kerana terdapatnya perlanggaran di dalam Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan') sebagaimana yang dijamin dibawah Perlembagaan dan ketidakpatutan di dalam penggunaan undang-undang berkaitan dengan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 ('Ordinan'); (b) memohon untuk membawa individu yang disenaraikan ke mahkamah untuk membuat pemeriksaan sewajarnya; (c) melepaskan individu-individu tersebut daripada tahanan selepas pemeriksaan yang wajar dilakukan; dan (d) relif-relif lain selanjutnya yang difikirkan suai dan manfaat oleh mahkamah. Syarikat Straits Bunker & Trading Sdn Bhd ('pemohon') mempunyai syarikat sekutu di Singapura iaitu Straits Bunkering Pte Ltd yang mana adalah pemilik sah kapal dan vessel MT Abbas. Pada 3 Oktober 2018 kapal MT Abbas telah ditahan bersama anak-anak kapal seramai sepuluh orang oleh pihak Jabatan Laut Wilayah Selatan ('responden pertama'). Peguam kanan persekutuan ('PKP') mengatakan bahawa responden pertama tidak menghalang pemohon daripada keluar atau menghantar bekalan. PKP mencadangkan supaya membuat permohonan secara bertulis kepada responden pertama untuk mereka mendapat akses kepada anak kapal dan keluarkan dari kapal tersebut. Surat balasan daripada responden pertama mengatakan tiada apa-apa halangan untuk mengambil anak kapal keluar tetapi tertakluk kepada syarat yang dikenakan. Oleh kerana pelbagai syarat dikenakan yang menyekat kebebasan anak kapal tersebut yang telah lama ditahan, peguam bagi pemohon memohon perintah habeas corpus. Isu-isu untuk penentuan adalah: (i) sama ada pemohon gagal menunjukkan terdapat perintah tahanan yang dikenakan ke atas anak kapal yang didakwa telah

ditahan; (ii) sama ada permohonan melalui permohonan jenayah adalah betul; dan (iii) sama ada terdapat penahanan salah.

Diputuskan:

(1) Isu bahawa pemohon gagal menunjukkan terdapat perintah tahanan yang dikenakan ke atas orang-orang yang didakwa telah ditahan adalah tidak relevan. Anak-anak kapal tersebut telah ditahan tanpa sebarang perintah sejak 3 Oktober 2018. Responden pertama tidak sepatutnya menahan mereka lebih dari 24 jam melainkan mendapat perintah majistret sebagaimana diperuntukkan di bawah s 526(1) Ordinan dan s 177 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Tidak pernah dihujahkan atau dibangkitkan sama sekali bahawa anak kapal merupakan orang asing musuh. Oleh yang demikian proviso kedua kepada fasal (4) perkara 5 Perlembagaan terpakai bagi pemohon (lihat perenggan 16–17 & 20).

(2) Permohonan selain permohonan bagi mendapatkan writ habeas corpus merupakan permohonan yang perlu dikemukakan di mahkamah melalui peruntukan lain di bawah kaedah-kaedah mahkamah, khususnya A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, dan Akta Relif Spesifik 1950, bukan di bawah s 365 KTJ. Ini bermakna permohonan ini adalah cara yang betul bagi mendapat writ habeas corpus (lihat perenggan 25).

(3) Penahanan kapal tersebut bersama anak kapal sedemikian adalah tergolong di dalam maksud penahanan menyalahi undang-undang. Tindakan responden pertama menempatkan kapal tersebut di tempat terpencil dan dengan akses yang terhad dan menyekat kebebasan keluar masuk adalah memberi maksud penahanan tak sah. Tiada mana-mana peruntukan di dalam Ordinan memberi masa kepada mana-mana pihak untuk mendapat pengecualian dari apa diperuntukan di bawah perkara 5 Perlembagaan (lihat perenggan 35 & 37).

(4) Tindakan responden pertama menahan kapal tersebut berserta anak-anak kapal dengan menyekat kebebasan mereka untuk keluar dari kapal tersebut yang terletak jauh terpencil dalam kawasan larangan responden pertama merupakan suatu penahanan menyalahi undang-undang yang mana mereka berhak mendapat suatu perlindungan yang dijamin di bawah Perlembagaan. Pemohon sepatutnya telah dikemukakan ke hadapan seorang majistret dalam masa 24 jam dari masa dia ditahan sekiranya pihak responden pertama ingin membuat siasatan lanjut terhadap kesalahan yang mereka lakukan. Oleh yang demikian, permohonan pemohon untuk mendapatkan writ habeas corpus dibenarkan dengan memerintahkan pihak responden pertama membawa kesemua pemohon yang disenaraikan di dalam permohonan ini ke mahkamah untuk diperintahkan supaya dilepaskan dan dibebaskan dari tahanan. Oleh kerana responden kedua tidak terlibat di

dalam penahanan salah tersebut tindakan terhadap mereka ditolak sebagaimana dipohon oleh PKP (lihat perenggan 40–41).

[English summary

An application had been made for the following orders: (a) a writ of habeas corpus for breach of the Federal Constitution ('the Constitution') as guaranteed under the Constitution and the non-compliance with the application of the laws relating to the Merchant Shipping Ordinance 1952 ('the Ordinance'); (b) requesting to bring the listed person to court for proper examination; (c) releasing of such individuals from detention after proper examination; and (d) such other relief as the court may consider appropriate and expedient. Straits Bunker & Trading Sdn Bhd ('the applicant') had a Singapore-based affiliate of Straits Bunkering Pte Ltd, which was the legal owner of the MT Abbas ship and vessel. On 3 October 2018 the MT Abbas ship was detained along with ten crew members by the Marine Department Southern Region ('the first respondent'). Senior federal counsel ('the SFC') said that the first respondent did not prevent the applicant from leaving or sending supplies. The SFC proposed to make a written request to the first respondent for them to gain access to the crew and get them out of it. A reply letter from the first respondent stated that there was no restriction to taking the crew out but subjected to the conditions imposed. Due to the various conditions that restricted the freedom of the long-held crew, the plaintiff's counsel applied for a habeas corpus order. The issues for the determination were: (i) whether the applicant failed to show that a detention order was imposed on the allegedly detained crew; (ii) whether the application through criminal application was correct; and (iii) whether there was a wrongful arrest.

Held:

(1) The issue that the applicant failed to show that there was a detention order imposed on those allegedly detained persons was irrelevant. The crew had been detained without order since 3 October 2018. The first respondent should not detain them for more than 24 hours unless they had a magistrate's order as provided under s 526(1) of the Ordinance and s 177 of the Criminal Procedure Code ('the CPC'). It was never argued or raised that the crew was an enemy alien. As such, the second proviso to cl (4) of art 5 of the Constitution applied to the applicant (see paras 16–17 & 20).

(2) An application other than an application for a writ of habeas corpus was an application that must be submitted to the court through other provisions of the court rules, in particular O 53 of the Rules of the High Court, and the Specific Relief Act 1950, not under s 365 of the CPC. This meant that this application was the proper way to obtain a writ of habeas corpus (see para 25).

(3) An application other than an application for a writ of habeas corpus was an application that must be submitted to the court through other provisions of the court rules, in particular O 53 of the Rules of the High Court, and the Specific Relief Act 1950, not under s 365 of the CPC. This meant that this application was the proper way to obtain a writ of habeas corpus (see para 25).

(4) The action of the first respondent to detain the ship and its crew by restricting their freedom to board the ship which was located in a remote area of the first respondent was an unlawful detention for which they were entitled to the protection guaranteed under the Constitution. The applicant should had been brought before a magistrate within 24 hours of his detention if the first respondent wanted to investigate further of the offense. Accordingly, the applicant's application for writ of habeas corpus was granted by ordering the first respondent to bring all the applicants listed in this application to the court to be ordered released and released from custody. Since the second respondent was not involved in the detention of such wrongdoing the action against them was rejected as requested by the SFC (see paras 40–41).]

Kes-kes yang dirujuk

Ketua Pengarah Imigresen Malaysia lwn Heng Peo [2007] 3 MLJ 97; [2007] 2 CLJ 111, MR (dirujuk)

Sejahratul Dursina @ Chomel bte Abdullah v Kerajaan Malaysia & Ors [2006] 1 MLJ 405; [2006] 1 CLJ 593, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kawalan Bekalan 1961

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 25, 25(2), Jadual, perenggan 1

Akta Relif Spesifik 1950

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53

Kanun Keseksaan s 344

Kanun Tatacara Jenayah ss 117, 177, 356, 365

Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 ss 32, 49(1), 49(b), 72, 72(1), (2), (3), 491B(1)(K), 491C(1)(c), 491D, 526, 526(1)

Perlembagaan Persekutuan perkara 5, 5(1), (2), (4), 149, 150, 151, Bahagian II

Nik Mohd Noor (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak plaintif.

(Ramli Yusuff & Co) bagi pihak defendan.

Mat Ghani PK:

[1] Satu permohonan melalui notis usul bertarikh 26 November 2018 telah dipohon untuk perintah-perintah berikut:

(a) satu writ habeas corpus kerana terdapatnya perlanggaran di dalam Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang dijamin dibawah Perlembagaan tersebut dan ketidakpatutan didalam penggunaan Undang-Undang berkaitan dengan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952;

(b) memohon untuk membawa individu yang disenaraikan di bawah ke mahkamah untuk membuat pemeriksaan sewajarnya:

No	Nama	Jantina	Warganegara	Dokumen Perjalanan No	Tarikh luput dokumen perjalanan	Tugas
1.	Ardilan Sadli	M	Indonesia	A9232747	20/10/2019	MASTER
2.	Aditya Hardi Putra	M	Indonesia	B0444253	18/02/2020	C/O
3.	Sutikno	M	Indonesia	B6309445	03/03/2022	C/E
4.	Andik Wiyanto	M	Indonesia	A7648619	01/07/2019	2/E
5.	Antoni Adi Hidayat	M	Indonesia	B7649700	14/07/2022	A/B
6.	Gurun Priyambodo	M	Indonesia	B3635575	11/04/2021	A/B
7.	Abdul Hamid	M	Indonesia	B4466871	20/07/2021	BOAT SWAIN

(c) melepaskan individu-individu tersebut daripada tahanan selepas pemeriksaan yang wajar dilakukan; dan

(d) relif-relif lain selanjutnya yang difikirkan suai dan manfaat oleh mahkamah yang mulia ini.

[2] Permohonan ini disokong dengan afidavit yang diikrarkan oleh pengarah syarikat pemohon bernama Noorashikeen bt Khamis (No Passport: E4098726D). Kandungan penting di dalam afidavit beliau menyatakan:

(a) Syarikat Straits Bunker & Trading Sdn Bhd mempunyai syarikat sekutu di Singapura iaitu Straits Bunkering Pte Ltd Syarikat sekutu Singapura ini adalah pemilik sah kapal dan vessel MT Abbas (IMO No 8704262);

(b) dokumentasi penukaran hakimilik kapal MT Abbas daripada syarikat sekutu di Singapura kepada syarikat Staits Bunker & Trading Sdn Bhd telah difailkan dan telah ditolak sebanyak dua kali atas alasan formaliti. Permohonan penukaran hakmilik buat kali ketiga belum sempat dilakukan kerana kapal MT Abbas telah ditahan;

(c) sepanjang masa yang material, kapal MT Abbas telah mendapat kelulusan dan/atau permit untuk menjalankan aktiviti bunkering di perairan Johor;

(d) kronologi penahan Kapal MT Abbas adalah: Pada 3 Oktober 2018 Kapal MT Abbas telah ditahan bersama anak-anak kapal seramai sepuluh orang oleh Pihak Jabatan Laut Wilayah Selatan (JLWS) tanpa sebarang alasan yang kukuh;

(e) semasa MT Abbas sedang melakukan aktiviti bunkering kepada sebuah kapal asing iaitu kapal Samarine Chilka di pelabuhan Tanjung Pelepas, beberapa orang pegawai daripada Jabatan Laut Wilayah Selatan yang diketuai oleh Encik Zamzuri telah menaiki kapal MT Abbas dan seterusnya menahan kapal kedua-dua tersebut;

(f) saya telah dimaklumkan bahawa Kapten kapal MT Abbas telah mengesahkan bahawa pegawai-pegawai Jabatan Laut Wilayah Selatan tersebut tidak menunjukkan sebarang dokumen pengenalan diri mahupun kad kuasa kepada Kapten kapal bagi mengesahkan bahawa pegawai-pegawai tersebut adalah daripada Jabatan Laut Wilayah Selatan;

(g) saya juga dimaklumkan bahawa Kapten kapal MT Abbas juga memberitahu anak-anak kapal MT Abbas bahawa mereka telah menunjukkan dan menyerahkan kesemua dokumen-dokumen termasuk passport anak-anak kapal dan permit kepada pegawai-pegawai tersebut sepertimana yang diarahkan;

(h) saya dimaklumkan bahawa kapal MT Abbas telah ditahan setelah pegawai-pegawai tersebut merampas dokumen-dokumen termasuk passport dan permit. TIADA sebarang borang bongkar (search list) diserahkan kepada anak-anak kapal setelah rampasan dokumen dilakukan. Kapten kapal seterusnya telah diarahkan untuk mengemudi kapal ke kawasan tahanan di hadapan jeti Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan. Sehingga kini, anak-anak kapal MT Abbas masih berada di dalam kapal MT Abbas kerana ditahan dan passport mereka telah dirampas;

(i) saya percaya bahawa penahanan yang dilakukan oleh Jabatan Laut Malaysia

adalah salah dan bercanggah dengan perlembagaan Malaysia;

(j) saya dimaklumkan dan sesungguhnya percaya bahawa kesemua anak-anak kapal tidak dibawa ke hadapan mahkamah yang mulia untuk sebarang permohonan reman. Saya percaya bahawa tindakan ini tidak mematuhi s 526(1) Ordinance Kapal Dagang 1952 yang memperuntukkan seperti berikut:

> Power of arrest
>
> Any Port Officer, Port Health Officer, surveyor of ships, or police officer may arrest without warrant any person offending, in his view against any of the provision of this ordinance and take him before a Magistrate's court or Sessions court as the case may be, to be dealt with according to law

Saya seterusnya merujuk kepada s 117 Kanun Tatacara Jenayah yang menyatakan bahawa:

> Procedure where investigation cannot be completed within 24 hours.
>
> Wherenever any person is arrested and detained in custody and it appears that the investigation cannot be completed within the period of twenty four hours fixed by section 28 and there are grounds for believing that the accusation or information is well founded, the police officer making the investigation shall immediately transmit to a Magistrate a copy of the entries in the diary hereinafter prescribed relating to the case and shall at the same time produce the accused before the Magistrate.

(k) saya berasa amat kesal terhadap tahanan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Laut Wilayah Selatan terhadap kapal MT Abbas yang disifatkan sebagai tahanan salah yang boleh disabitkan salah di bawah peruntukkan s 344 Kanun Keseksaan yang menyatakan seperti berikut:

> Whoever wrongfully confines any person for ten days or more shall be punished with imprisonment for a term which may extend to three years and shall also be liable to fine.

(l) sepanjang masa penahanan tersebut, anak-anak kapal MT Abbas tidak diberikan keperluan hak asasi kemanusiaan seperti berikut dan tidak terhad kepada makanan, minuman, bekalan air bersih, dan bahan api bagi menghidupkan enjin kapal. Oleh itu penafian hak asasi anak-anak kapal MT Abbas;

(m) keadaan ini sangat membimbangkan kerana anak-anak kapal terpaksa menadah air hujan bagi mendapat bekalan air untuk mandi. Sehingga kini, setelah satu bulan lebih ditahan, pihak Jabatan Laut Wilayah Selatan masih gagal mengemukakan sebarang alasan yang kukuh bagi penahanan kapal MT

Abbas bersama-sama dengan anak-anak kapal;

(n) berkenaan kapal Safmarine Chilka, saya telah dimaklumkan bahawa kapal dan anak-anak kapal Safmarine Chilka telah dilepaskan tanpa syarat pada 17 Oktober 2018 (iaitu dua minggu setelah ditahan) tanpa sebarang pertuduhan dikenakan;

Serahan kepada pihak KPDNHEP

(o) saya selanjutnya menyatakan bahawa 10 Oktober 2018, pihak Jabatan Laut Wilayah Selatan telah menyerahkan kapal MT Abbas kepada pihak responden-responden untuk siasatan lanjut pihak responden-responden;

(p) saya dimaklumkan siasatan pihak responden-responden terhadap kapal MT Abbas adalah berdasarkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Saya menyatakan bahawa berdasarkan dokumen yang diperolehi daripada kapten kapal dan anak-anak kapal menunjukkan bahawa muatan bahan api iaitu low sulphur marine gas oil ('LSMGO') telah diperolehi dari Singapura;

(q) saya selanjutnya menyatakan bahawa muatan bahan LSMGO ini tidak berada dalam bidangkuasa pihak responden-responden dan tidak tersenarai dalam Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sesalinan invois bertarikh 30 September 2018 daripada Glitz Resources Pte Ltd dilampirkan dan ditandakan sebagai eksh 'NBK3'.

(r) setelah MT Abbas telah ditahan sejak 3 Oktober 2018 sehingga kini, makluman terkini secara tidak rasmi daripada pihak responden-responden bahawa pihak responden-responden sedang dalam percubaan untuk melupuskan muatan dalam kapal MT Abbas secara lelongan awam dan tanpa sebab-sebab yang kukuh.

[3] Pihak responden pertama telah membalas affidavit sokongan pemohon pada 18 Disember 2018 yang mana kandungan penting afidavit tersebut menyatakan:

(a) Kapal MT Abbas telah ditahan mengikut s 491B(1)(K) Ordinan Kapal Dagang 1952 iaitu menjalankan aktiviti pemindahan dari kapal ke kapal tanpa kebenaran dan pemakluman kepada Pengarah Laut;

(b) penahanan yang dibuat di bawah s 491C(1)(c) hanyalah melibatkan penahanan kapal dan bukan anak-anak kapal; dan pemilik kapal bebas

untuk menukar anak-anak kapal. Walau bagaimanapun, pemilik kapal perlu memberikan kerjasama dalam siasatan yang memerlukan kehadiran anak-anak kapal yang terbabit;

(c) arahan lisan pemeriksaan kapal telah diberikan oleh Pengarah Laut Wilayah Selatan bagi memeriksa aktiviti pemindahan minyak di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor pada 3 Oktober 2018;

(d) berdasarkan pemeriksaan di dapati bahawa kedua-dua kapal Safmarine Chilka dan MT Abbas telah menjalankan aktiviti pemindahan dari kapal ke kapal tanpa pemakluman dan kebenaran Pengarah Laut; dan Surat penahanan telah dikeluarkan terhadap kapal Safmarine Chilka dan MT Abbas dan diserahkan kepada Nakhoda kapal pada tarikh yang sama;

(e) arahan lisan pemeriksaan kapal telah diberikan oleh Pengarah Laut Wilayah Selatan bagi memeriksa aktiviti pemindahan minyak di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor pada 3 Oktober 2018;

(f) adalah menjadi prosedur tahanan dan siasatan yang biasa bahawa pegawai penyiasat memperkenalkan diri kepada anak-anak kapal;

(g) berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan oleh Mohd Zamzuri bin Othman didapati bahawa Kapal MT Abbas telah menjalankan aktiviti pemindahan dari kapal ke kapal tanpa pemakluman dan kebenaran Pengarah Laut serta rekod permit petroleum tidak sama dengan rekod rasmi jabatan; Sesalinan permit petroleum yang merupakan rekod rasmi jabatan disertakan sebagai eksh 'A';

(h) surat perintah tahanan terhadap MT Abbas telah dikeluarkan dan diserahkan kepada *Master* kapal MT Abbas pada tarikh yang sama dan telah disahkan diterima oleh Master MT Abbas;

(i) penahanan yang dibuat adalah di bawah s 491C(1)(c) di mana Jabatan Laut hanya menahan kapal dan bukan anak-anak kapal;

(j) tiada rampasan passport atau apa-apa dokumen milik mana-mana anak-anak kapal yang dilakukan oleh wakil Jabatan Laut Wilayah Selatan dan pemilik kapal adalah bebas untuk menukar anak-anak kapal dan melawat anak-anak kapal bagi tujuan menjaga kebajikan mereka;

(k) walau bagaimanapun, pemilik kapal perlu memberikan kerjasama dalam siasatan yang memerlukan kehadiran anak-anak kapal yang terbabit;

(l) pemilik MT Abbas didapati membayar gaji kepada anak-anak kapal mereka, walau bagaimanapun pemilik kapal tidak mahu membiayai makan dan minum anak-anak kapal; dan

(m) Mohd Zamzuri bin Othman telah membuat laporan polis berkaitan aktiviti bunkering yang dijalankan oleh kapal MT Abbas bagi tujuan membuka kertas siasatan.

PENDENGARAN NOTIS USUL

[4] Pada 10 Disember 2018, semasa pendengaran notis usul, peguam kanan persekutuan ('PKP') En Nik Mohd Noor mengatakan pihak Jabatan Laut Wilayah selatan (responden pertama) bahawa pemohon-pemohon tidak dihalang daripada keluar atau menghantar bekalan. PKP memohon supaya beliau diberi masa supaya membalas afidavit pemohon. PKP juga membangkitkan bantahan awal dengan mengemukakan surat notis bantahan bertarikh 10 Disember 2018 atas alasan berikut:

(a) pemohon gagal menunjukkan terdapat perintah tahanan yang dikenakan ke atas orang-orang yang didakwa telah ditahan;

(b) pemohon gagal menunjukkan siapakah sebenarnya pihak berkuasa yang menahan orang-orang yang didakwa telah ditahan; dan

(c) *wrong mode.* pemohon sepatutnya membawa isu dakwaan tahanan ini ke Mahkamah Sivil untuk diputuskan dan bukannya melalui permohonan writ of habeas corpus di sini.

[5] Di dalam prosiding ini peguam bagi pihak pemohon telah memohon secara supaya wakil-wakil dibenarkan untuk melawat dan menyelia sebab mereka difahamkan bahawa terdapat kekurangan air bersih dan air minuman di mana krew-krew terpaksa menggunakan air hujan untuk membersihkan diri. Mahkamah menetapkan pada 8 Januari 2019 untuk responden pertama membalas afidavit dan bicara permohonan ini. Mahkamah ini juga memerintahkan permohonan pemilik untuk melawat anak kapal dan juga untuk membawa bekalan air bersih dan makanan dibenarkan.

[6] Di dalam prosiding pada 8 Januari 2019, responden pertama telah memfailkan afidavit dan mengatakan bahawa anak kapal, Kapal MT Abbas tidak ditahan oleh mana-mana responden. Akan tetapi peguam pemohon memaklumkan bahawa kapal MT Abas di mana anak-anak kapal berada dalam kapal tersebut pada ketika itu telah ditahan di dalam kawasan Jabatan Laut Wilayah Selatan di mana ianya kawasan itu sangat terpencil dan hanya bot Jabatan Laut sahaja dibenarkan ke tempat tersebut. Pemohon mengatakan mereka tidak mempunyai sebarang bot atau vessel sendiri dan percubaan ini untuk meminta ataupun mengupah kontraktor atau pihak ketiga untuk menyediakan kemudahan vessel juga gagal. Usaha mereka untuk pergi ke kapal dan menjemput anak-anak kapal dan juga membekalkan barang imuniti telah gagal kerana tiada siapa sanggup ke sana dan mana-mana pihak ketiga enggan memberikan sebarang kerjasama kepada wakil-wakil pemohon dalam usaha mereka untuk mengeluarkan anak-anak kapal. Ini kerana alasan pihak ketiga bahawa mereka sedang dalam proses mitigasi dengan Jabatan Laut dan mereka tidak mahu nama mereka terlibat ataupun terjebak sama kerana itu oleh kerana mereka takut disenarai hitamkan. Walaupun pemohon telah menawar wang

A ganjaran yang banyak kepada mereka ataupun menawarkan untuk mendapatkan perintah mahkamah sekalipun mereka enggan kerana mereka tidak mahu urusan perniagaan mereka dengan Jabatan Laut terjejas.

B [7] Peguam juga mengatakan bahawa beliau telah menerima arahan, supaya memohon dengan mahkamah ini supaya mengarahkan Jabatan Laut memindahkan lokasi kapal tersebut ke bahagian keluar sedikit, bagi membolehkan mereka membawa keluar anak-anak kapal atau memberi bekalan kepada anak-anak kapal.

C [8] PKP mengatakan bahawa di dalam afidavit jawapan bagi pihak responden pertama bahawa anak-anak kapal tidak ditahan dan mereka bebas keluar. Dan pemilik kapal bebas menukar anak-anak kapal yang mana diakui memang anak kapal tidak ditahan cuma isunya dia ada masalah untuk pergi ke
D sana. Dan fakta berkenaan masalah itu tiada dinyatakan di dalam afidavit yang sepatutnya tidak dipertimbangkan oleh mahkamah.

[9] PKP selanjutnya mencadangkan supaya membuat permohonan secara surat dan tarik permohonan habeas corpus ini, dah menjimatkan masa
E mahkamah.

[10] Memandangkan ini cadangkan PKP mahkamah bertanyakan dengan PKP sekiranya ada permohonan secara bertulis kepada Jabatan Laut untuk mereka mendapat akses kepada anak kapal dan keluarkan dari kapal tersebut
F adakah dia akan memberi jawapan yang positif? PKP menjawab terserahkan pada budi bicara mahkamah. Oleh itu mahkamah menetapkan prosiding lain pada 15 Januari 2019 untuk melihat status permohonan surat pemohon kepada responden pertama.

G [11] Di dalam prosiding pada 15 Januari 2019, peguam bagi pihak pemohon memaklum bahawa beliau telah menulis kepada Jabatan Laut pada 9 Januari 2019 dan Jabatan Laut memberi jawapan pada 14 Januari 2019. Peguam memaklumkam bahawa surat balasan dari Jabatan Laut bukan surat
H yang tidak mempunyai batahan tetapi penuhnya syarat yang secara khususnya pada para akhir yang menyebut:

> ... Untuk makluman tuan juga, surat tiada halangan ini tidak melepaskan kapal MT Abas daripada mematuhi undang-undang keanggotaan selamat minimum ... s 72(1) and (2) Akta 1519.

I [12] Peguam mengatakan oleh kerana kapal tersebut telah ditahan oleh pihak Jabatan Laut maka segala hak-hak dan obligasi terhadap kapal tersebut juga tergantung kepada mereka. Undang-undang keanggotaan selamat minimum di bawah s 32 mengkehendaki jumlah minima anak kapal

ditempatkan atas kapal tersebut setiap masa. Ini bermakna secara tidak langsung satu perintah tahanan dikenakan terhadap anak-anak kapal tersebut tidak kira sama mereka mahu atau tidak. Dengan syarat-syarat ini tidak ada mana-mana kontrator atau agen yang sanggup mengambil keluar anak-anak kapal tersebut. Oleh kerana perbagai syarat dikenakan yang menyekat kebebasan anak kapal tersebut yang telah lama ditahan peguam memohon perintah habeas corpus. Mereka bimbang keadaan kesihatan anak-anak kapal tergugat kerana sebahagaian mereka telah jatuh sakit. Menurut peguam lagi kesemua passport anak kapal masih lagi sah pada masa tersebut.

[13] PKP menjawab bahawa Jabatan Laut telah membalas surat mengatakan tiada apa-apa halangan untuk mengambil anak kapal keluar tetapi tertakluk kepada syarat yang dikenakan. Jika gagal patuhi syarat tersebut pemilik akan tertakluk kepada kesalahan lain di bawah Akta tersebut.

KEPUTUSAN BANTAHAN AWAL

[14] Selepas menimbangkan hujah kedua-dua pihak dan meneliti undang-undang dan kes-kes yang dirujukkan kepada mahkamah ini, mahkamah ini memutuskan bahawa bantahan awal responden ditolak. Keputusan menolak bantah diberikan di dalam alasan ini kes.

TUGAS MAHKAMAH

[15] Fasal (1) dan (2) perkara 5 Perlembagaan Persekutuan menyatakan yang berikut:

> (1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.
>
> (2) Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu dan, melainkan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah, hendaklah memerintahkan supaya orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.

[16] Pengaduan telah dibuat bagi pihak pemohon bahawa dia sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang. Maka menjadi tugas saya dan mahkamah ini untuk menyiasat pengaduan itu. Maka isu bahawa pemohon gagal menunjukkan terdapat perintah tahanan yang dikenakan ke atas orang-orang yang didakwa telah ditahan tidak relevan di sini. PKP mungkin terkeliru dengan kes-kes biasa yang mana writ habeas corpus dipohon berdasarkan perintah tahanan yang dikeluar oleh sesuatu pihak berkuasa seperti Menteri di dalam kes kesalahan keselamatan yang berkaitan dengan perkara 149, 150 dan 151 Perlembagaan Persekutuan. Pemohon akan

A mencabar bahawa sesuatu perintah tahanan itu tidak sah bagi mendapat suatu perintah habeas corpus.

[17] Akan tetapi di dalam kes di hadapan ini keadaan adalah lebih parah. Ini kerana mengikut fakta yang ada, anak-anak kapal tersebut telah ditahan tanpa sebarang perintah sejak 3 Oktober 2018. Pihak yang menahan kapal tersebut bersama anak-anak kapal adalah Jabatan Laut dan mereka tidak sepatutnya menahan mereka lebih dari 24 jam melainkan mendapat perintah majistret sebagaimana diperuntukkan di bawah s 526(1) Ordinan tersebut dan s 177 KTJ seperti dibangkitkan oleh peguam. Seksyen 526(1) Ordinan menyebut:

> Power of arrest
>
> Any Port Officer, Port Health Officer, surveyor of ships, or police officer may arrest without warrant any person offending, in his view against any of the provision of this ordinance and take him before a Magistrate's court or Sessions court as the case may be, to be dealt with according to law.

[18] Permohonan perintah habeas corpus ini adalah secara khusus terhadap Jabatan Laut yang dinamakan sebagai responden pertama yang mana tiada suatu perintah untuk menahan lanjut terhadap anak-anak kapal telah dipohon dari mana-mana mahkamah. Kapal tersebut ditempatkan di kawasan terhad Jabatan Laut Wilayah Selatan yang mana di bawah pentadbiran Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia. Maka bantahan awal berkaitan pemohon gagal menunjukkan siapakah sebenarnya pihak berkuasa yang menahan anak-anak kapal didakwa telah ditahan telah terjawab di sini iaitu Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia sebagai responden pertama.

Proviso kedua kepada fasal (4) perkara 5 Perlembagaan Persekutuan

[19] Perkara 5 fasal (4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan yang berikut:

> (4) Jika seseorang ditangkap dan tidak dilepaskan, maka orang itu hendaklah tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan walau bagaimanapun dalam tempoh dua puluh empat jam (tidak termasuk masa apa-apa perjalanan yang perlu) dibawa ke hadapan majistret dan orang itu tidak boleh ditahan dalam jagaan selanjutnya tanpa kebenaran majistret itu:
>
> Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah terpakai bagi penangkapan atau penahanan mana-mana orang di bawah undang-undang yang sedia ada yang berhubungan dengan kediaman terhad, dan kesemua peruntukan Fasal ini hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian perlu Perkara ini mulai dari hari Merdeka:
>
> Dengan syarat selanjutnya bahawa dalam pemakaiannya bagi seseorang, selain seorang warganegara, yang ditangkap atau ditahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan imigresen, Fasal ini hendaklah dibaca seolah-olah perkataan 'tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan walau bagaimanapun dalam tempoh

dua puluh empat jam (tidak termasuk masa apa-apa perjalanan yang perlu)' telah digantikan dengan perkataan 'dalam tempoh empat belas hari'.

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa dalam hal penangkapan bagi sesuatu kesalahan yang boleh dibicarakan oleh mahkamah Syariah, sebutan dalam Fasal ini mengenai majistret hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai hakim mahkamah Syariah.

(5) Fasal (3) dan (4) tidaklah terpakai bagi orang asing musuh. (Penekanan ditambah.)

[20] Tidak pernah dihujahkan atau dibangkitkan sama sekali bahawa anak kapal merupakan orang asing musuh (*enemy alien*). Oleh yang demikian proviso kedua kepada Fasal (4) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan terpakai bagi pemohon.

BIDANG KUASA MAHKAMAH TINGGI

[21] Sebagaimana diperuntukkan di bawah s 25 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) yang berbunyi seperti yang berikut:

S 25(1) Tanpa menjejaskan keluasan Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Tinggi dalam menjalankan bidang kuasanya hendaklah mempunyai segala kuasa yang terletak hak padanya sebaik sebelum Hari Malaysia dan apa-apa kuasa lain yang terletak hak padanya oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa dalam bidang kuasa tempatannya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai kuasa tambahan yang dinyatakan dalam Jadual:

Dengan syarat bahawa *segala kuasa itu hendaklah dijalankan mengikut mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah yang berhubungan dengannya.* (Penekanan ditambahkan.)

[22] Kuasa tambahan yang terkandung dalam Jadual kepada Akta 91 ialah, yang relevan untuk kes ini, kuasa yang terkandung dalam perenggan 1 Jadual itu dan yang berbunyi seperti yang berikut:

WRIT PREROGATIF

[23] Kuasa untuk mengeluarkan arahan, perintah atau writ, termasuklah writ yang bersifat habeas corpus, mandamus, larangan, quo warranto dan certiorari, atau mana-mana yang lain, kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi menguatkuasakan hak yang diberikan oleh Bahagian II Perlembagaan atau mana-mana daripadanya, atau bagi apa-apa maksud.

[24] Maka, apabila peruntukan jadual itu dibaca bersama dengan proviso kepada sub-s 25(2) Akta 91 akan jelaslah bahawa kuasa dalam jadual itu,

khususnya dalam perenggan 1 Jadual itu, mesti dijalankan dengan mengikut peruntukan undang-undang bertulis atau kaedah-kaedah mahkamah.

[25] Persoalan sama ada permohonan ini yang memohon perintah habeas corpus melalui permohonan jenayah di bawah s 365 Kanun Tatacara Jenayah adalah suatu mode permohonan yang betul dan dibenarkan oleh undang-undang. Bagi merungkai persoalan ini dirujuk dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Sejahratul Dursina @ Chomel bte Abdullah v Kerajaan Malaysia & Ors* [2006] 1 MLJ 405; [2006] 1 CLJ 593 (MP) dan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Ketua Pengarah Imigresen Malaysia lwn Heng Peo* [2007] 3 MLJ 97; [2007] 2 CLJ 111 (MR) sangat jelas menunjukkan bahawa permohonan selain permohonan bagi mendapatkan writ habeas corpus merupakan permohonan yang perlu dikemukakan di mahkamah melalui peruntukan lain di bawah kaedah-kaedah mahkamah, khususnya A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, dan Akta Relif Spesifik 1950, bukan di bawah s 365 KTJ. Ini bermakna permohonan ini adalah cara yang betul bagi mendapat writ habeas corpus. Seksyen 365 Kanun Tatacara Jenayah dan permohonan bagi mendapatkan *writ prerogative* yang lain hendaklah dibuat di bawah kaedah-kaedah mahkamah, khususnya A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, dan Akta Relif Spesifik 1950. Malahan bila diteliti s 365 KTJ itu sendiri memperuntukkan:

> The High Court may whenever it thinks fit direct —
>
> (a) *that any person who:*
>
> (i) is detained in any prison within the limits of Malaysia on a warrant of extradition whether under the Extradition Act 1992 [Act 479]; or
>
> (ii) *is alleged to be illegally or improperly detained in public or private custody within the limits of Malaysia,*
>
> be set at liberty;
>
> (b) that any defendant in custody under a writ of attachment be brought before the Court to be dealt with according to law.

[26] Peruntukan 'is alleged to be illegally or improperly detained in public or private custody within the limits of Malaysia', dengan jelas memberi maksud menyalahi undang-undang atau tidak sepatutnya ditahan sama ada dalam jagaan orang awam atau bidangkuasa kerajaan. Keadaan yang sama terpakai di dalam kes kira sekarang ini.

UNDANG-UNDANG DAN OBJEKTIF WRIT OF HABEAS CORPUS

[27] Writ habeas corpus adalah berasal bahasa Latin yang membawa maksud mesti menghadirkan orang itu di mahkamah ('produce the body'). Adalah menjadi objektif utama dalam mengendalikan suatu permohonan *writ of*

habeas corpus adalah untuk *memastikan seseorang itu dilepaskan daripada suatu penahanan yang tidak sah.* Ianya menjadi suatu pertimbangan yang sangat berhati-hati oleh pihak mahkamah mengenai isu kesahihan atau sebaliknya sesuatu penahanan tersebut.

[28] Dalam kes di hadapan mahkamah ini permohonan yang dipohon perintah bagi perkara yang berbangkit secara langsung daripada *writ of habeas corpus*. Dan *writ of habeas corpus* hanya boleh diberi kepada orang yang ditahan secara fisikal dan secara tidak sah. Beliau harus sebenarnya berada di dalam tahanan.

MAKSUD PENAHANAN DAN PEMENJARAAN

[29] Penahanan (*detention*) adalah suatu perbuatan mengambil kebebasan seseorang, walaupun ini tidak semesti bermaksud orang itu secara fizikalnya dikurung di dalam sel penjara. Penahanan boleh berlaku dalam sebarang keadaan, sama ada dengan kebenaran pemerintah, atau oleh seseorang yang bertindak pihak berkuasa (*authority*).

[30] Pemenjaraan adalah perbuatan mengambil kebebasan seseorang. Ia boleh dilakukan dengan mengurung orang itu di dalam sel penjara atau di lokasi lain ataupun menyekat hak orang itu di dalam bentuk atau sifaf yang sama. Penahanan yang paling lazim berkenaan pemenjaraan ialah tindakan mengurung seseorang di dalam penjara ekoran perbuatan jenayah yang dilakukan dengan suatu perintah penjara atau penahanan oleh mahkamah. Orang itu boleh ditahan sehingga perbicaraan selesai dan sekiranya dia didapati bersalah dia mungkin boleh di tahan lebih lama.

PENAHANAN SALAH TAK SAH

[31] Penahan seseorang itu adalah salah di sisi undang-undang. Dengan kata lain sesiapa yang mengambil tindakan menahan seseorang yang tidak mempunyai justifikasi undang-undang untuk berbuat demikian. Perbuatan-perbuatan yang menjurus kepada penahan tak sah antaranya adalah seperti berikut:

(a) mengurung seseorang di dalam bilik tanpa kebenaran atau kerelaan dia;

(b) ditahan sebagai tebusan semasa rompakan;

(c) menahan sesuatu yang berharga milik seseorang dengan tujuan supaya orang itu dipaksa berada di sebuah tempat;

(d) secara fizikal menahan seseorang itu dengan mencegah atau menghalang orang itu dari meninggalkan tempat itu;

A (e) menahan seseorang pekerja atas amaun yang tidak munasabah yang dia disyaki telah mencuri (kecuali pencuri dalam kedai); dan

(f) mengupah seseorang tanpa kerelaan seseorang bagi tujuan menghalang dan menahan dia.

B

[32] Elemen penahanan tak sah secara umumnya hendaklah dibuktikan bagi mendapat suatu tuntutan yang sah. Elemen tersebut ialah penahanan yang disengajakan (*wilful detention*). Penahanan sedemikian hendaklah dengan sengaja atau dengan niat. Mengurung seseorang dengan tidak sengaja atau C dengan niat bukan penahanan tidak sah. Penahanan tidak sah terpakai dalam sebarang bentuk penahanan sengaja ini termasuklah secara fizikal menghalang seseorang daripada meninggal tempat itu, mengurung orang itu di dalam bangunan, bilik atau mana-mana lokasi dan menahan orang itu dari meninggal dari sesuatu tempat dengan cara paksa atau menakutkan atau ugutan.

D

[33] Penahanan tanpa kerelaan seseorang juga penahanan tidak sah. Seseorang yang membuat tuntutan panahanan tak sah hendaklah percaya bahawa dia telah dikurung berdasarkan perbuatan orang lain. Mahkamah akan E menimbang keadaan khusus bagaimana kejadian itu berlaku samada munasabah atau tidak di dalam keadaan sama orang itu percaya dia telah dikurung untuk menentukan ini mangsa hendaklah percaya perkara mengurung ini berlaku adalah munasabah.

F SAMA ADA TERDAPAT TAHANAN SALAH

[34] Persoalannya sekarang adakah tindakan Jabatan Laut yang menahan kapal tersebut bersama anak-anak kapal dan membawa jauh terperinci di kawasan terhad Jabatan Laut dengan menyekat akses dan kebebasan keluar G anak kapal membawa pengertian suatu tahanan tidak sah atau menyalahi undang-undang sebagaimana maksud s 365 KTJ.

[35] Pada pendapat mahkamah ini penahanan kapal tersebut bersama anak kapal sedemikian adalah tergolong di dalam maksud penahanan menyalahi H undang-undang. Walaupun responden petama di dalam afidavit mereka dan PKP menyatakan Jabatan Laut hanya menahan kapal dan tidak terhadap anak-anak kapal, akan tetapi tindakan mereka dengan menempatkan kapal tersebut di tempat terpencil dan dengan akses yang terhad dan menyekat kebebasan keluar masuk adalah memberi maksud penahanan tak sah. I Pernyataan responden pertama bahawa penahanan yang dibuat di bawah s 49(b) Ordinan tersebut secara tersirat membawa maksud anak-anak kapal tidak dibenarkan meninggalkan kapal tersebut sekiranya tiada pengganti. Ini bermaksud selagi pemilik kapal tidak menukar anak-anak kapal lain selagi itu mereka ditahan dan selagi siasatan tidak selesai selama itu mereka ditahan.

[36] Jawapan dari Surat Jabatan Laut bertarikh 14 Januari 2019 yang menyatakan mereka tidak ada halangan melepaskan anak-anak kapal tetapi dengan syarat hendaklah mematuhi s 72 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 juga memberi maksud serupa iaitu, anak-anak kapal hanya diboleh dibebaskan jika terdapat jumlah minima anak untuk menjaga kapal tersebut pada setiap masa. Sesyen 72 Ordinan menyatakan:

> s 72 Merchant Shipping Ordinance, 1952
>
> (1) Every owner or master shall ensure that their ship has a sufficient number of ship personnel on board in accordance with the safe-manning document before the ship can go on a voyage or an excursion.
>
> (2) When a ship is not on a voyage or an excursion the owner or master shall ensure that sufficient number of ship personnel are on board the ship at all times to adequately respond to any situation which may affect the safety of the ship, ship personnel or environment.
>
> (3) If a ship goes on a voyage or an excursion or attempts to go on a voyage or an excursion in contravention of subsection (1), the owner or master of the ship commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit, and the ship, if in Malaysia, may be detained until the manning requirements are met.

[37] Dari pemahaman saya terhadap peruntukkan ini, ia tidak memberi sebarang kuasa kepada Jabatan Laut untuk menyekat kebebasan anak kapal dari meninggalkan kapal tersebut. Sekiranya pemilik kapal tersebut melanggar syarat-syarat ini, pihak berkuasa bagi Ordinan tersebut boleh mengambil tindakan sebagaimana diperuntukkan di bawah s 72(3) Ordinan tersebut. Saya dapati tiada mana-mana peruntukan di dalam Ordinan ini memberi masa kepada mana-mana pihak untuk mendapat pengecualian dari apa diperuntukan di bawah perkara 5 Perlembagaan seperti mana yang diberikan kerana bagi kes-kes keselamatan seperti di perkara 149, 150 dan 151 Perlembagaan Persekutuan.

[38] Apa yang sepatutnya pihak Jabatan Laut lakukan di dalam kes ini ialah, seperti dicadangkan oleh peguam, membuat tuntutan sivil terhadap pemilik kapal bagi apa-apa kos penyelenggaraan kapal tersebut sehingga pemilik kapal didapati bersalah sebagaimana digariskan di bawah s 49(1) Ordinan tersebut. Seksyen 491D Ordinan menyebut:

> Where any ship or thing is held in the custody of the Government of Malaysia pending completion of any proceedings in respect of any offence under this Part, the cost of holding the ship or thing in custody shall, in the event of any person being found guilty of the offence, be a debt due to the Government and shall be recoverable accordingly as a civil debt.

KESIMPULAN

[39] Peruntukan dalam s 72(1) dan (2) Ordinan Kapal Saudagar 1952 tidak boleh mengatasi kehendak dalam Perlembagaan Persekutuan. Untuk memastikan bahawa tiada sesiapa yang melaksanakan tugas menguatkuas Ordinan tersebut terlepas pandang tentang peruntukan dalam proviso kedua kepada fasal (4) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan, badan perundangan telah memasukkan peruntukan yang serupa ke dalam s 356 KTJ dan s 526 Ordinan tersebut.

[40] Oleh yang demikian, berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah ini mendapati tindakan Jabatan Laut menahan kapal tersebut berserta anak-anak kapal dengan menyekat kebebasan mereka untuk keluar dari kapal tersebut yang terletak jauh terpencil dalam kawasan larangan Jabatan Laut merupakan suatu penahanan menyalahi undang-undang yang mana mereka berhak mendapat suatu perlindungan yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Pemohon (anak-anak kapal) sepatutnya telah dikemukakan ke hadapan seorang majistret dalam masa 24 jam dari masa dia ditahan sekiranya pihak Jabatan Laut ingin membuat siasatan lanjut terhadap kesalahan yang mereka lakukan.

[41] Oleh yang demikian, permohonan pemohon untuk mendapatkan writ habeas corpus dibenarkan dengan memerintahkan pihak Jabatan Laut membawa kesemua pemohon yang disenaraikan di dalam permohonan ini ke mahkamah untuk diperintahkan supaya dilepaskan dan dibebaskan dari tahanan. Oleh kerana responden kedua tidak terlibat di dalam penahanan salah tersebut tindakan terhadap mereka ditolak sebagaimana dipohon oleh PKP.

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh